

**“SAYA AKAN KAJI TERLEBIH DAHULU”** 027

---

# Kompromi: Dr. M

## *Renungan*

BARANG siapa men-  
taati Allah dan Rasul-  
nya, serta takut kepada  
Allah dan bertakwa,  
mereka itulah orang-  
orang yang menang. —  
Maksud Al-Quran / An-  
nor 52.

# sedia dengar pandangan

16 MAR 1987

Oleh  
**Shabudin Abdullah**

**M**ASJID TANAH 15 Mac — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sanggup mendengar pandangan sesiapa pun tentang kompromi empat orang pemimpin tertinggi UMNO dalam menghadapi pemilihan bulan April depan.

Katanya, setakat ini belum ada orang yang menerangkan kepadanya mengenai bentuk kompromi yang dikatakan sedang diusahakan oleh beberapa orang pemimpin parti. Bercakap kepada para pemberita di upacara perasmian Persidangan Perwakilan UMNO bahagian Alur Gajah di sini hari ini, Perdana Menteri berkata beliau akan kaji dahulu bentuk kompromi yang dimaksudkan itu.

### **Mengelakkan**

Ketua Pemuda UMNO Encik Anwar Ibrahim malam tadi berkata, beberapa orang sedang cuba mewujudkan kompromi bagi mengelakkan pertandingan antara empat orang pemimpin tertinggi UMNO dalam pemilihan majlis tertinggi itu.

Empat orang pemimpin yang dimaksudkan ialah Presiden parti yang juga Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Naib Presiden yang juga Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, Timbalan Presiden Datuk Musa Hitam dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah.

Bercakap kepada para pemberita di Johor Baharu malam tadi, Encik Anwar menyifatkan usaha bagi membolehkan "keempat - empat tokoh"

berkompromi pada pemilihan pucuk pimpinan UMNO sebagai "sesuatu yang boleh diusahakan."

"Saya fikir ia boleh diusahakan," katanya.

Beliau berkata bahawa ada usaha kompromi sedang dijalankan tetapi ia tidak melibatkannya.

"Saya fikir ia (langkah berkompromi) sedang dibuat," katanya kepada pemberita di sini.

Encik Anwar yang sebelumnya merasmikan Minggu Palestin diminta mengulas mengenai laporan mengatakan usaha Menteri - Menteri Besar,

**LIHAT MUKA 6**

## Kompromi: Dr. M sedia dengar pandangan

UM 16 MAR 1987

Ketua Menteri dan Speaker - Speaker Dewan Undangan Negeri daripada UMNO ke arah mendapatkan kompromi itu.

Mengenai kenyataannya tentang mengeluarkan maklumat - maklumat berkaitan beberapa projek besar dari Akta Rahsia Rasmi (OSA) Perdana Menteri berkata, tidak ada yang mesti dirahsiakan mengenai projek - projek berkenaan.

Oleh itu katanya, kerajaan tidak akan membuat tuduhan terhadap sesiapa yang menyebarkan maklumat mengenainya. Beliau menambah kerajaan mengecualikan maklumat mengenai projek - projek itu daripada tindakan OSA adalah kerana memikirkan ianya tidak mengandungi rahsia di samping rakyat ingin tahu mengenainya. Dalam ucapan perasmianya sebelum itu Perdana Menteri menasihatkan pemimpin - pemimpin UMNO yang ingin bertanding di dalam pemilihan Majlis Tertinggi akan datang supaya berbuat demikian sekiranya difikirkan perlu dan untuk kebaikan parti.

sesiapa yang ingin bertanding menganggapnya sebagai 'perlawanan persahabatan' di dalam sesuatu perlawanan bolasepak. "Mereka tidak perlulah berhempas pulas pergi ke sana ke mari untuk menabur fitnah. Janganlah apa yang kita sama-sama buat dulu, sekarang kita kata tidak baik," katanya. Menurutnya, semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dahulu, tidak semua keputusan Tun Hussein Onn dipersetujuinya tetapi tetap memberikan sokongan bagi membolehkan UMNO mendapat sokongan 100 peratus.

Datuk Sri Dr. Mahathir, juga menegaskan pentingnya UMNO sebagai tunjang Barisan Nasional" yang mana kalau tidak ada UMNO bukan setakat Semenanjung Malaysia, malah Sabah dan Sarawak juga akan rosak." Menurutnya, UMNO adalah sebuah parti yang besar dan kuat serta berupaya mendamaikan parti - parti komponen manakala cita-cita UMNO adalah jauh lebih besar dari cita-cita seseorang

seseorang itu terhadap kebaikan yang dibuat oleh musuhnya.

"Kita seharusnya bersedia melihat kebaikan yang ada pada musuh dan menimbang segala keburukan dan kebaikannya. Tolak yang buruk dan ambil yang baik," katanya. Beliau kesal dengan sikap orang yang cepat membuat kesimpulan bahawa seseorang itu rasuah atau si polan itu orang yang terkaya di dunia dengan hanya mendengar cakap-cakap orang atau membaca dari majalah.

Mengenai sistem demokrasi, katanya, ia diibaratkan pisau tajam yang boleh mengukir bunga yang cantik dari berbagai bahan atau boleh juga digunakan untuk menikam. "Kalau digunakan untuk menikam, yang bersalah bukan pisau tetapi tangan," katanya. Demikian juga dengan demokrasi, ia tidak menjamin kebahagiaan melainkan seseorang pemimpin itu tahu menggunakannya, katanya.

Katanya, tidak perlu bagi mereka untuk bertanding hanya semata-mata kerana demokrasi yang membolehkan sesiapa sahaja untuk bertanding. "Saya tidak maksudkan sesiapa tetapi apa yang perlu, di dalam pertandingan itu adalah sekiranya ianya boleh membawa kebaikan kepada agama, negara dan masyarakat," katanya.

Katanya, walaupun dalam demokrasi membolehkan semua orang bertanding atau menjadi calon, tetapi ini tidak bermakna sekiranya tidak ada pertandingan tidak demokratik.

Yang penting, katanya, setiap yang bertanding itu hendaklah memikirkan bahawa pertandingan mereka untuk kebaikan agama, negara dan masyarakat dan inilah yang dikatakan demokrasi. "Saya tidak percaya sekiranya tidak ada pertandingan bermakna tidak demokratik dan perpecahan tidak boleh timbul," katanya. Perdana Menteri berharap,

dari segi perpaduan untuk mencapai kejayaan.

Dalam hal ini, katanya, cita-cita seseorang boleh diketepikan dan yang penting adalah cita-cita UMNO.

Kalau UMNO berpecah, tambahnya, tidak siapa akan mendengar cakap pemimpin - pemimpinnya lagi kerana untuk apa menghormati pemimpin sebuah parti yang telah hancur.

Mengenai pemilihan yang akan datang, katanya, ia harus berjalan dengan tenang dan kempen - kempen mengenainya hendaklah berasaskan kebenaran.

Beliau bagaimanapun kesal ada pihak yang 'mengikat' manusia dengan membangkitkan perasaan benci terhadap sesuatu pihak yang lain. "Tidak pasal-pasal tarik muka masam bila jumpa saya. Salam pun tidak mahu," katanya. Perdana Menteri menasihatkan anggota - anggota UMNO supaya tidak menanam perasaan benci kepada musuh kerana perasaan benci boleh membutakan mata

Mengenai pemilihan Majlis Tertinggi April ini, beliau berkata, pemilihan itu adalah untuk memilih pemimpin dalam UMNO dan bukan perlawanan dua pihak yang bermusuhan.

"Tidak perlu ada sindir menyindir, mengeluarkan kata-kata kesat dan keras seperti di dalam pilihanraya kerana ia boleh memburukkan hubungan yang mana kekeruhan itu boleh berlanjutan sehingga selepas pemilihan," katanya.

Katanya, walaupun jawatan Presiden diizinkan oleh perlembagaan dan dibenarkan oleh parti untuk dipertandingkan tetapi hasilnya boleh membawa perpecahan yang berterusan seperti yang berlaku kepada MCA yang telah hilang banyak kerusi dalam pilihanraya lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, "saya berkempen bukan untuk jadi presiden tetapi adalah untuk perpaduan parti dan nasib orang - orang Melayu dan kaum-kaum lain."